

1.0 TUJUAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN

Dana Pembangunan Penyelidikan (RAGS) ialah dana tunas yang bertujuan untuk membudayakan penyelidikan di kalangan penelidik muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bukan Universiti Penyelidikan (RU) sebagai persediaan untuk membangunkan prestasi penyelidikan supaya dapat berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Dana RAGS ini akan mengikuti garis panduan FRGS yang sedia ada dari segi definisi penyelidikan fundamental, bidang penyelidikan, kaedah permohonan, kriteria penilaian, pemantauan dan hasil penyelidikan.

2.0 MEKANISMA PENGURUSAN DANA RAGS

2.1 PENILAIAN

Penilaian dilakukan di peringkat Universiti melalui jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa penyelidikan atau setara.

Jawatankuasa teknikal hendaklah mempunyai keahlian sekurang-kurangnya satu (1) orang panel RAGS.

2.2 AGIHAN PERUNTUKAN

Dana RAGS akan diagihkan terus kepada Universiti.

Untuk kitaran pertama, agihan adalah berdasarkan kepada prestasi permohonan geran FRGS untuk tahun 2011 dan 2012. Prestasi ini menunjukkan keupayaan dan kesungguhan Universiti untuk menjalankan penyelidikan.

Untuk kitaran berikutnya, peratus agihan berdasarkan kepada prestasi termasuk produktiviti penyelidikan dan keupayaan perbelanjaan kitaran sebelumnya.

2.3 PEMANTAUAN PROJEK

- Pemantauan kemajuan penyelidikan di peringkat Universiti.
- Pemantauan di peringkat KPT melalui Panel RAGS mengikut garis panduan pemantauan FRGS.

3 | Dana Pembangunan Penyelidikan

iii. Laporan kemajuan perlu dihantar setiap 6 bulan secara online kepada KPT.

iv. Laporan akhir perlu dihantar kepada urus setia dalam masa tiga (3) bulan selepas tamat projek tersebut dalam bentuk penulisan ilmiah secara online.

3.0 BIDANG PENYELIDIKAN

Bidang penyelidikan meliputi bidang-bidang asas yang meliputi:

- Sains Tulen
- Sains Gunaan
- Sains Kesihatan dan Klinikal
- Teknologi dan Kejuruteraan
- Sains Sosial
- Sastera dan Sastera Ikhtisas
- Sains Tabii dan Warisan Negara

4.0 SYARAT PERMOHONAN

Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (pensyarah) di Institusi Pengajian Tinggi Awam bukan Universiti Penyelidikan (RU) dengan syarat-syarat berikut:-

- Mempunyai pengalaman sebagai ahli akademik tidak melebihi lima (5) tahun atau gred 52 ke bawah.
- Mestilah Warganegara Malaysia.
- Pensyarah tetap di IPTA.
- Hanya satu (1) projek penyelidikan dibenarkan untuk dipohon dan diperaku.
- Pensyarah sedang cuti belajar tidak dibenarkan untuk memohon dan menjalankan penyelidikan.

5.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah satu (1) hingga dua (2) tahun sahaja.

4 | Dana Pembangunan Penyelidikan